

**Agong Adakan Majlis Aidilfitri Di Istana Negara  
Bernama  
8 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah mengadakan majlis sambutan Aidilfitri di Istana Negara di sini, hari ini.

Majlis dimulakan dengan sambutan bagi tetamu kehormat pada 10 pagi yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman serta timbalan-timbalan menteri, diplomat asing, kerabat dan sahabat baginda.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali serta Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar antara tetamu yang hadir.

Tuanku Abdul Halim turut beramah mesra dan bersalaman dengan para hadirin yang lengkap berbaju kebangsaan atau batik, termasuk tetamu asing wanita yang memakai baju kurung atau berkebaya labuh.

Hadirin dijamu dengan pelbagai juadah raya seperti laksa, sate, ketupat, rendang, leman dan kuih-muih.

Sementara itu, Duta Chile ke Malaysia, Christian Rehren berkata beliau menikmati suasana perayaan di istana hari ini.

"Saya sentiasa menanti kedatangan raya dan makanan yang saya benar-benar nikmati hari ini ialah sate," katanya kepada Bernama.

Duta Argentina ke Malaysia Maria Isabel Rendon berkata beliau menghabiskan masa dengan seronok di istana dan gembira dengan cara Aidilfitri disambut tanpa mengira bangsa dan agama.

"Hidangan raya kegemaran saya ialah rendang daging. Saya suka kerana kepedasannya," katanya.

Tuanku Abdul Halim seterusnya berkenan mengadakan majlis sambutan untuk orang ramai di kawasan perkarangan istana bermula 11.30 pagi hingga 2 petang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=968973>